



Edisi Pertama 2017

# PANDUAN MEMBERI SOKONGAN DAN BERINTERAKSI DENGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)



**PANDUAN MEMBERI SOKONGAN DAN  
BERINTERAKSI DENGAN  
ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

***MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG BUTA, MALAYSIA  
(NATIONAL COUNCIL FOR THE BLIND, MALAYSIA)***

**Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta, Malaysia**

Unit 13-8, 13th Floor,  
Menara Sentral Vista,  
No. 150, Jalan Sultan Abdul Samad,  
Brickfields,  
50470, Kuala Lumpur. Malaysia.  
Tel : 603 2276 2973 Fax : 603 2276 1653  
E-mel : info@ncbm.org.my

**Hakcipta terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta, Malaysia.

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta, Malaysia  
**Cetakan Pertama, 2017**

**ISBN 978-983-42148-2-1**

Dicetak Oleh :

Sylog Print Systems Sdn. Bhd. (166439-T)  
19 & 20, Block C, Lot 757, Jalan Subang 3, Persiaran Subang,  
47610 Subang Jaya, Selangor  
Tel : 603 - 5632 1302 / 1307  
Fax : 603 - 5632 4190 / 8011 2773  
E-mel : sylogprint@gmail.com

Ilustrasi :  
Nurzainah Bt. Mohd Arbawi.

Disunting oleh :  
Wong Yoon Loong  
Muhamad Nadhir Abdul Nasir


Pembaca Pruf  
Mohamad Sazali Shaari





### Mengenai Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia (NCBM)

Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia (NCBM) ditubuhkan dan didaftarkan pada tahun 1986 untuk mengumpulkan lima (5) organisasi untuk bekerja sebagai rakan kongsi dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti untuk membantu orang buta menjadi rakyat yang berguna.





Misi kami sebagai badan penyelaras kebangsaan adalah untuk membantu Pertubuhan Anggota dalam membangunkan perkhidmatan supaya orang buta, tidak kira di mana mereka berada di negara ini, boleh menikmati peluang yang sama dalam menerima pendidikan, pemulihan dan perkhidmatan pekerjaan. Untuk mencapai matlamat jangka panjang ini NCBM akan bekerjasama dengan kerajaan dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai tujuan yang sama.

Dalam melaksanakan peranan kami sebagai badan kebangsaan, NCBM menyediakan platform untuk wakil-wakil dari seluruh negara bertemu secara tetap dan membincangkan semua aspek kerja, pendidikan, pekerjaan, pencegahan kebutaan, advokasi dan lain-lain. Jika mungkin dan perlu, NCBM akan memberi bantuan kewangan untuk melaksanakan projek dan menaja kakitangan untuk menghadiri latihan dan kemahiran serta menaik taraf kursus sedia ada.

Hubungi kami di:

**Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta, Malaysia  
(National Council for The Blind, Malaysia)  
Unit 13-8, Menara Sentral Vista,  
No. 150, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields,  
50470, Kuala Lumpur, Malaysia**

**Tel : +603 2276 2973**

**Fax : +603 2276 1653**

**E-mel : [info@ncbm.org.my](mailto:info@ncbm.org.my)**

# **KANDUNGAN**

## **KATA PENGANTAR**

## **PENGHARGAAN**

## **BAB 1: MENGENALI ORANG KURANG UPAYA**

1.1 Siapakah itu OKU?

1.2 Apakah maksud ketidakupayaan?

## **BAB 2: CARA MENYOKONG DAN BERINTERAKSI DENGAN OKU**

2.1 Panduan umum

2.2 OKU Fizikal

2.3 OKU Masalah Kesihatan Mental

2.4 OKU Masalah Pembelajaran

2.5 OKU Pendengaran

2.6 OKU Penglihatan

2.7 OKU Pertuturan

2.8 OKU Pelbagai

## **LAMPIRAN 1: SENARAI PERTUBUHAN OKU DAN INDIVIDU**

## **RUJUKAN NOTA**

## PENGENALAN

Antara bulan Mac sehingga Jun 2017, Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia (National Council for the Blind, Malaysia (NCBM) telah menganjurkan Projek Penyertaan Politik dalam kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia. Projek ini telah berjaya dilaksanakan dengan bantuan kewangan daripada International Foundation for Electoral System (IFES). Salah satu aktiviti yang telah dijalankan dalam projek tersebut termasuklah perbincangan kumpulan fokus bersama pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya serta para wakil daripada lima buah pertubuhan OKU. Hasil daripada perbincangan itu, antara keperluan mendesak yang menuntut kepada tindakan segera adalah aspek kecaknaan para pegawai serta petugas yang terlibat dalam pilihan raya berkaitan cara menyokong dan berinteraksi dengan golongan OKU.

Oleh itu, Buku Panduan memberi sokongan dan berinteraksi dengan OKU dihasilkan bagi membimbing para pegawai serta petugas apabila mereka memberikan perkhidmatan kepada klien mereka yang OKU. Buku panduan ini memuatkan maklumat seperti konsep ketidakupayaan dan cara menyokong dan berinteraksi mengikut kategori-kategori OKU yang diterima pakai di Malaysia. Kami berharap panduan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada golongan OKU, sama ada dalam sektor awam, sektor swasta mahupun badan-badan bukan kerajaan. Panduan ini juga boleh dijadikan asas bagi melatih para sukarelawan yang terlibat semasa menganjurkan majlis, acara atau program yang melibatkan golongan OKU.

Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penghasilan serta semakan buku panduan ini. Semoga buku panduan ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam menyediakan perkhidmatan terbaik untuk golongan OKU di Malaysia.



## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak International Foundation for Electoral Systems (IFES) atas sokongan kewangan yang diberikan bagi membolehkan pihak Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia (National Council for the Blind, Malaysia (NCBM) menjalankan pelbagai aktiviti berhubung penyertaan politik golongan OKU di Malaysia termasuklah penghasilan buku panduan ini. Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD), Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM), Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM), Persatuan Advokasi Diri Orang Bermasalah Pembelajaran di Selangor dan Kuala Lumpur (United Voice), Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MHH), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia atas penglibatan aktif sepanjang proses penghasilan buku panduan ini.

## BAB SATU

### MENGENALI ORANG KURANG UPAYA (OKU)

#### 1.1 Siapakah itu Orang Kurang Upaya (OKU)?

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, orang kurang upaya (OKU) merujuk kepada:

*“Mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”*

Di Malaysia, terdapat 7 kategori OKU yang diiktiraf. Kategori-kategori tersebut adalah (dirujuk daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHHacVN4aHNPbUIPayt2QT09>):

##### ***(i) Kurang Upaya Pendengaran***

Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat dua tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU Pendengaran, iaitu :

Kurang Pendengaran	< 54 dB
Pekak	> 55 dB

##### ***(ii) Kurang Upaya Penglihatan***

Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Terdapat dua tahap kurang upaya penglihatan seperti berikut :-

1. **Terhad:** Penglihatan lebih teruk dari 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantuan penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 darjah dari fixation.

2. **Buta:** Penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari fixation

***(iii) Kurang Upaya Pertuturan***

Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh. Bagi kanak-kanak mestilah berdasarkan penilaian pada umur lima tahun ke atas. Sekiranya ada kemusykilan, Pakar Otorinolaringologi hendaklah dirujuk.

***(iv) Kurang Upaya Fizikal***

Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia, tetraplegia, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau ketidakfungsian sistem saraf, kardiovaskular, respiratori, hematologi, imunologi, urologi, hepatobiliari, muskuloskeletal, ginekologi dan lain-lain.

Contoh ketidakupayaan fizikal:

- a) Kecacatan anggota badan (sejak lahir/setelah dewasa), termasuk kehilangan ibu jari tangan.
- b) Kecederaan tulang belakang [Hanya sekiranya tiada pengembalian fungsi selepas enam bulan]
- c) Angin ahmar [Hanya sekiranya tiada pengembalian fungsi selepas enam bulan]
- d) Kecederaan Otak
- e) Kerdil (Achondroplasia) iaitu < 142 cm bagi lelaki dan; < 138 cm bagi wanita
- f) Palsi Serebrum



**(v) Masalah Pembelajaran**

Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti Autisme (Autistic Spectrum Disorder), Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan masalah pembelajaran spesifik seperti (Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia).

**(vi) Kurang Upaya Mental**

Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Antara jenis penyakit mental tersebut ialah "Organic Mental Disorder" yang serius dan kronik, Skizofrenia, Paranoid, Mood Disorder (depression, bipolar) dan Psychotic Disorder seperti Schizoaffective Disorder dan Persistent Delusional Disorders.

**(vii) Pelbagai (Multiple Disabilities)**

Kurang Upaya Pelbagai (Multiple Disabilities) mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam di atas.

## **1.2 Apakah maksud ketidakupayaan**

OKU, seperti orang lain, boleh dan berhak untuk melakukan fungsi-fungsi mereka; belajar, bekerja, membeli-belah, menonton wayang, berekreasi dan mengundi pada hari pilihan raya.

OKU akan menjadi "TIDAK UPAYA" apabila penyertaan mereka dihalang oleh pelbagai halangan berbentuk sikap dan persekitaran.

Tanpa kepercayaan dan peluang yang diberikan kepada mereka, OKU tidak berupaya untuk menjalani kehidupan seperti orang lain contohnya belajar di universiti, bekerja atau menunaikan hak mereka sepenuhnya sebagai pengundi. Persepsi dan sikap negatif masyarakat terhadap golongan OKU merupakan halangan utama yang sering dihadapi oleh golongan ini.

Tanpa kemudahan, perkhidmatan dan sistem sokongan yang bersesuaian, OKU juga terhalang untuk melibatkan diri secara aktif dalam kehidupan bermasyarakat. Bangunan yang tidak menyediakan tanjakan atau lif, pakej maklumat dalam format tidak boleh diakses serta ketiadaan Jurubahasa Isyarat mampu menyekat penyertaan penuh golongan OKU dalam satu-satu aktiviti.

Oleh itu, buku panduan ini memuatkan panduan-panduan berguna untuk anda dalam membantu serta berinteraksi dengan golongan OKU yang berlainan kategori.

## BAB DUA

### CARA MENYOKONG DAN BERINTERAKSI DENGAN OKU

#### 2.1 Panduan umum

Secara umumnya, anda perlu:

- √ Tanya OKU itu sekiranya dia memerlukan bantuan anda. Jangan terus menarik lengan/tongkat/hujung lengan baju atau menolak kerusi roda mereka tanpa bertanya terlebih dahulu. Ada dalam kalangan OKU yang mampu bergerak sendiri, jadi usah terasa hati sekiranya mereka menolak bantuan anda.
- √ Bercakaplah dengan nada suara yang biasa, tidak perlu menggunakan suara yang kuat apabila berinteraksi dengan mereka.
- √ Sekiranya anda tidak jelas dengan respon mereka, usah bimbang untuk meminta mereka mengulangi jawapan mereka.
- √ Sekiranya OKU itu datang bersama ahli keluarga/pembantu mereka, jangan bertanya kepada ahli keluarga/pembantu itu. Sebaliknya, anda hendaklah berinteraksi secara terus dengan OKU yang ingin anda bantu.
- √ Sekiranya anda tidak pasti cara terbaik untuk membantu mereka, bertanyalah kepada OKU yang anda ingin bantu itu kerana mereka lebih tahu.
- √ Bersabar. Berusahalah untuk memahami OKU yang anda ingin bantu tersebut.

Anda perlu mempraktikkan saranan-saranan di atas dengan mana-mana individu OKU tanpa mengira kategori kecacatan mereka.

Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan situasi, anda perlu sedar dan amalkan pendekatan yang berbeza apabila membantu dan berinteraksi dengan OKU yang berbeza kategori.


Bahagian berikutnya memperincikan pendekatan-pendekatan tersebut mengikut kategori OKU yang telah dinyatakan.




## 2.2 OKU Fizikal

- √ Untuk membantu OKU anggota berkerusi roda menuruni tanjakan/bukit yang curam, anda perlu menuruni tanjakan/bukit itu secara mengundur.
- √ Untuk membantu OKU anggota berkerusi roda menuruni bendul, anda perlu menuruni bendul tersebut secara mengundur dengan cara menurunkan dahulu roda belakang kerusi roda tersebut. Jongketkan sedikit kerusi roda itu dan tarik kerusi roda perlahan-lahan sehingga semua permukaan bawah kerusi roda itu berada di atas lantai bawah. Turunkan kerusi roda perlahan-lahan. Kemudian pusing roda itu dan tolaklah seperti biasa.
- √ Untuk membantu OKU anggota berkerusi roda menaiki bendul, jongketkan sedikit kerusi roda dan tolak kerusi roda itu sehingga roda hadapannya berada di atas lantai. Kemudian, angkat perlahan-lahan roda belakang dan tolak sehingga roda itu turut berada di atas lantai yang sama. Selepas itu, anda bolehlah tolak kerusi roda itu seperti biasa.
- √ Sekiranya anda membantu OKU anggota berkerusi roda memasuki lif, sebaiknya pastikan OKU itu berada di posisi menghadap pintu keluar lif.
- √ Untuk berinteraksi dengan OKU anggota berkerusi roda, pastikan mata dan wajah anda berada pada aras yang sama dengan OKU tersebut. Jika OKU itu merupakan orang kerdil, pasti OKU tersebut duduk pada aras yang sama dengan anda.
- √ Jangan bersandar pada kerusi roda.
- √ Jangan menggantungkan/menyangkut barang pada pemegang kerusi roda mereka.
- √ Jika memerlukan kerusi roda itu diangkat, pastikan tanya dahulu kepada OKU itu tentang bahagian yang boleh dipegang/diangkat kerana terdapat bahagian yang mudah tertanggal.

Seorang lelaki sedang membantu rakannya di atas sebuah kerusi roda menuruni ramp dengan cara yang betul



Seorang lelaki sedang membantu rakannya di atas sebuah kerusi roda menaiki ramp dengan cara yang betul



Seorang petugas lelaki sedang membantu seorang wanita di atas sebuah kerusi roda menuruni drop dengan cara yang betul



Seorang petugas lelaki sedang membantu seorang wanita di atas sebuah kerusi roda menaiki drop dengan cara yang betul





Seorang petugas wanita sedang membantu seorang lelaki di atas sebuah kerusi roda melepasi longkang



Seorang wanita sedang duduk pada paras yang sama dengan seorang wanita di atas sebuah kerusi roda dan kedua-dua mereka sedang berbual



Hai, nama saya Ally.  
Apa nama awak?

Hai, nama saya Siti.

Seorang remaja lelaki sedang membantu mengangkat kerusi roda dengan cara yang betul





### 2.3 OKU Masalah Kesihatan Mental

- √ Tanya sama ada OKU tersebut memerlukan sebarang bantuan. Bantulah mereka sedaya yang anda mampu.
- √ Elakkan daripada memberikan tekanan kepada mereka. Pastikan persekitaran sekeliling tidak memberikan tekanan kepada OKU itu (seperti bunyi riuh-rendah, ramai individu yang memberikan arahan dan seumpamanya).
- √ Bercakaplah dengan sopan dan tenang apabila berinteraksi dengan mereka.
- √ Elakkan daripada bertanyakan soalan-soalan sensitif seperti masalah dalaman keluarga atau sebagainya.
- √ Elakkan daripada menggunakan nada suara atau tindakan yang bersifat keras/kasar apabila berinteraksi dengan mereka.
- √ Hormati batas-batas perbualan.
- √ Pastikan anda memandang mereka apabila berbual/berurusan dengan mereka.
- √ Tunjukkan sifat menerima, memahami dan empati apabila bersama mereka. Berjenaka mampu memudahkan interaksi antara anda dengan mereka. Pastikan lawak anda tidak menyentuh perkara-perkara sensitif.
- √ Panggil pihak polis sekiranya OKU itu bertindak mencederakan diri.
- √ Berusahalah untuk membina kepercayaan dalam diri mereka menerusi perhubungan berterusan.
- √ Jangan menggunakan perkataan seperti "gila" atau seumpamanya.
- √ Sekiranya anda tidak pasti atau memerlukan khidmat konsultasi, rujuk kepada pihak pakar terbabit (rujuk Lampiran 1)

## 2.4 OKU Masalah Pembelajaran

Apabila anda ingin membantu OKU masalah pembelajaran, anda hendaklah:

- √ Bertanyalah keperluan/bentuk keperluan yang OKU itu perlukan.
- √ Berikan perhatian apabila mereka bercakap/bertanya. Jangan sesekali memotong/menghabiskan ayat untuk mereka.
- √ Setelah anda menerangkan sesuatu kepada OKU tersebut, pastikan OKU itu memahami penerangan anda. Adakalanya mereka memerlukan penerangan ulangan untuk mereka benar-benar memahami.
- √ Semasa memberikan penerangan, gunakan bahasa yang mudah difahami dengan kadar percakapan yang perlahan.
- √ OKU masalah pembelajaran lebih mudah memahami sesuatu perkara menerusi visual. Tunjukkan cara/proses sesuatu perkara itu kepada mereka supaya mereka lebih faham.
- √ Pastikan hanya anda seorang yang memberikan penerangan. OKU masalah pembelajaran mudah keliru sekiranya ramai individu yang memberikan arahan/penjelasan. Pastikan OKU itu fokus hanya kepada anda.

**Seorang petugas lelaki sedang menunjukkan satu kad bergambar untuk menerangkan sesuatu kepada seorang remaja OKU masalah pembelajaran**




## 2.5 OKU Pendengaran

Apabila anda hendak membantu OKU pendengaran, anda perlu:

- √ Sentuh lengan/bahu mereka untuk menandakan anda ingin berinteraksi dengan mereka. Jangan baling objek atau menjerit nama mereka untuk mendapatkan perhatian.
- √ Jika terdapat sesiapa di sebelah, anda boleh meminta bantuan sesiapa tersebut untuk memanggil OKU Pendengaran itu.
- √ Tanya mod komunikasi yang mereka rasa selesa. Jika terdapat Jurubahasa Isyarat bersama, anda boleh terus ajukan soalan anda. Jika tiada jurubahasa isyarat, gunakan mod komunikasi yang anda ketahui, sama ada bahasa isyarat atau tulisan.
- √ Gunakan kertas, buku nota dan pen atau telefon bimbit anda supaya memudahkan proses berkomunikasi dengan OKU Pendengaran.
- √ Pandang muka mereka apabila anda bercakap dengan seseorang OKU Pendengaran, bukan pandang pada Jurubahasa Isyarat.
- √ Sekiranya anda berinteraksi menerusi Jurubahasa Isyarat, bercakaplah dalam nada suara yang jelas dan pada kadar yang biasa. Ini untuk memudahkan Jurubahasa Isyarat menterjemah dialog anda kepada OKU Pendengaran tersebut.



Seorang lelaki menepuk bahu seorang OKU pendengaran sebagai tanda ingin bercakap dengannya




Seorang lelaki sedang memandang muka seorang wanita OKU pendengaran yang sedang bercakap menggunakan bahasa isyarat dengan seorang wanita berdiri di sebelahnya yang menterjemahkan bahasa isyarat tersebut



Dua orang wanita sedang berkomunikasi menggunakan buku nota dan pen



Seorang OKU pendengaran sedang berkomunikasi dengan seorang OKU penglihatan menggunakan telefon bimbit





Seorang jurubahasa isyarat wanita sedang menerangkan sesuatu dengan menggunakan bahasa isyarat



## 2.6 OKU Penglihatan

Apabila anda ingin membantu OKU penglihatan:

- √ Panggil nama mereka. Jika anda tidak tahu nama OKU tersebut, sentuh sedikit lengan/bahu mereka untuk menandakan anda ingin bercakap dengannya dan kemudian perkenalkan diri anda. Jangan anggap OKU penglihatan mengetahui di mana anda berada/berdiri.
- √ Untuk membantu mereka ke satu-satu tempat, tanya dahulu sama ada mereka memerlukan bantuan dan ke manakah arah tujuannya. Jangan terus tarik lengan/hujung lengan baju/tongkat mereka.
- √ Sekiranya OKU itu memerlukan bantuan anda dan anda telahpun mengetahui ke mana hala tujuannya, minta OKU itu memegang bahagian siku anda.
- √ Sentiasa memberi amaran kepada OKU penglihatan yang anda bantu itu sama ada sebelum menaiki/menuruni bendul, sebelum menaiki/menuruni tangga, posisi longkang dan seumpamanya.

√ Apabila anda melalui laluan sempit, letakkan tangan anda ke belakang sebagai tanda laluan sempit supaya mereka dapat berdiri di belakang anda.

√ Maklumkan kepada mereka proses yang sedang dilalui melibatkan mereka seperti mengisi borang atau seumpamanya. Jangan mengisi borang untuk mereka berdasarkan andaian anda sendiri. Dapatkan butiran daripada mereka sendiri supaya anda mengisi butiran mereka dengan betul.

√ Sewaktu anda membantu OKU penglihatan, berikanlah penerangan tentang apa yang terdapat di sekeliling anda supaya OKU tersebut mengetahui keadaan sekitarnya.

√ Sekiranya anda membawa OKU penglihatan makan di restoran/café/hotel dan seumpamanya, beritahulah mereka tentang hidangan yang disediakan. Anda juga boleh membawa mereka ke tempat hidangan untuk maklumkan mereka setiap hidangan tersebut. Ambillah makanan mengikut kehendak OKU itu dan bukan mengikut citarasa anda.


√ Gunakan sistem jam apabila anda meletakkan makanan di atas pinggan mereka. Kemudian anda haruslah menerangkan kedudukan nasi serta lauk yang terdapat di atas pinggan. Contohnya, "nasi berada pada jam 6, ikan berada pada jam 2 ...". Begitu juga bagi kedudukan gelas minuman. Maklumkan kepada mereka kedudukan gelas/cawan mereka mengikut sistem jam.

√ Untuk membawa OKU penglihatan menaiki kereta, letakkan tangan mereka di atas bumbung kereta supaya mereka tidak terhantuk apabila memasuki kereta tersebut.


√ Apabila anda membawa OKU penglihatan untuk duduk di atas kerusi, letakkan tangan mereka pada lengan kerusi atau tempat sandar kerusi tersebut.

√ Apabila anda telah membantu seseorang OKU penglihatan itu ke satu-satu tempat dan anda ingin meninggalkannya, tinggalkan mereka di tempat yang menyediakan tanda untuk mereka seperti tepi dinding atau laluan sesentuh (tactile pavement). Beritahu OKU penglihatan yang anda bantu itu apabila anda ingin meninggalkannya.

Jangan pegang tongkat OKU penglihatan ketika memimpin dia berjalan



Gunakan lengan anda untuk memimpin OKU penglihatan berjalan




Anda hendaklah sentiasa memperkenalkan diri anda apabila bertemu dengan OKU penglihatan






Gunakan permukaan jam untuk menjelaskan kedudukan makanan kepada OKU penglihatan

Encik, ini pesannya, nasi pada pukul 6, salad pada pukul 12, ayam pada pukul 3



Anda hendaklah memaklumkan kepada OKU penglihatan jika anda ingin pergi

Saya pergi dulu



Seorang wanita memberitahu kepada seorang pelajar OKU penglihatan kedudukannya sebelum meninggalkan pelajar tersebut

Anda sekarang berada di kaunter pertanyaan






Seorang lelaki memberitahu seorang OKU bahawa mereka akan menaiki tangga

Baiklah, terima kasih Aiman


Lim, kita akan menaiki tangga. Pegang selusur tangan ini.



Seorang remaja perempuan menunjukkan kerusi kepada seorang lelaki OKU penglihatan dengan cara yang betul



Jika memasuki kereta, bukakan pintu dan tunjuk tahap ketinggian kereta dengan meletakkan tangannya pada atas kereta



## 2.7 OKU Pertuturan

Untuk OKU pertuturan pula, anda perlu:

- √ Beri mereka peluang untuk menghabiskan ayat mereka. Jangan sesekali memotong percakapan mereka.
- √ Sekiranya mereka gagap atau menggunakan alat bantu komunikasi, jangan sesekali menghabiskan ayat untuk mereka. Tunggu dan berikan perhatian anda sepenuhnya.
- √ Sekiranya anda tidak jelas dengan ayat mereka, minta mereka mengulangi jawapan/penjelasan/soalan mereka itu. Atau anda boleh bertanya seperti: "Adakah Tuan maksudkan...". Mengesahkan kefahaman anda adalah lebih baik daripada anda memahami sesuatu berdasarkan andaian anda sahaja.




## 2.8 OKU Pelbagai

Sekiranya anda berurusan dengan OKU pelbagai, anda perlu:

- √ Tanyalah sama ada OKU itu memerlukan sebarang bantuan. Bantulah mereka sedaya yang anda mampu.
- √ Kenal pasti mod komunikasi yang mudah untuk anda dan OKU tersebut.
- √ Sekiranya anda tidak pasti atau perlukan khidmat konsultasi, rujuklah kepada pihak pakar terbabit (rujuk Lampiran 1)

Seorang wanita sedang menerangkan sesuatu kepada seorang OKU pekakbuta dengan menggunakan bahasa isyarat sentuhan (Tactile sign language)





Panduan di atas hanyalah asas kepada cara membantu serta berinteraksi dengan OKU pelbagai kategori. Anda harus sentiasa ingat bahawa setiap OKU mempunyai keperluan dan pilihan mereka sendiri.

Tidak perlu rasa tertekan untuk menjadi pakar dalam perkara ini. Lama-kelamaan, amalan ini akan menjadi kebiasaan. Luangkan masa untuk mengenali dan memahami setiap kategori OKU itu.

Seperti orang lain, OKU turut berhak untuk mendapatkan perkhidmatan serta layanan terbaik daripada anda.

Sekiranya anda ingin mempelajari dengan lebih mendalam tentang kategori-kategori OKU, anda boleh layari:

1. Sighted Guiding – How to Sighted Guide Blind & Partially Sighted People <https://www.youtube.com/watch?v=yEoY6NeISs4>
2. How to Communicate with Deaf People Without Using Sign Language <https://www.youtube.com/watch?v=fHaabh7CPX0>
3. Learning Disabilities, What Are the Different Types? [https://www.youtube.com/watch?v=yG\\_xSBsFMPQ](https://www.youtube.com/watch?v=yG_xSBsFMPQ)
4. Communication: Speaking to People with a Learning Disability <https://www.youtube.com/watch?v=lyV1v-nib38>
5. Communicating with Mental Health Clients <https://www.youtube.com/watch?v=8-GYNZwBmLU>
6. Panduan Bantu Siswa OKU <https://www.youtube.com/watch?v=S8AHhqf4Vx8>



## LAMPIRAN 1

### SENARAI PERTUBUHAN OKU DAN INDIVIDU RUJUKAN


Sekiranya anda ingin mendapatkan khidmat jurulatih / penceramah / fasilitator untuk menjalankan latihan panduan cara membantu dan berinteraksi dengan OKU, anda boleh menghubungi pertubuhan-pertubuhan di bawah mengikut keperluan anda:

NAMA PERTUBUHAN	INDIVIDU RUJUKAN	EMEL
Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD)	En. Mohamad Sazali Shaari (Presiden)	mfdpresident@gmail.com
Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia (NCBM)	En. Moses Choo Siew Cheong (Pengarah Eksekutif)	info@ncbm.org.my
Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM)	En. Miskan Kasiman (Setiausaha Agung)	mypocam.mal@gmail.com
United Voice	Ms. Yeong Moh Foong (Ketua Koordinator)	unitedvoiceinfo@gmail.com
Persatuan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM)	Pn. Siti Hajar Tumin (Setiausaha Eksekutif)	pkokm2084@yahoo.com
Beautiful Gate Foundation for the Disabled	Pn. Sia Siew Chin (Pengerusi)	info@beautifulgate.org.my
Kiwanis Down Syndrome Foundation	Pn. Norzattul Syimma	info@kdsf.org.my
Majlis Pemulihan Malaysia (MCR)	Datin Paduka Khatijah Sulieman (Presiden)	myrehab.council@gmail.com
Malaysian Information Network on Disability (MIND)	Dato' Dr. Zaliha Omar (Presiden)	info@mind.org.my
Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM)	Tuan Haji Mohammed Nazari Haji Othman (Presiden)	mnazarisbm@gmail.com
Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)	Yang di- Pertua Muhammad Faizal Che Yusuf	pertismalaysia@gmail.com
Malaysian Advocates for Cerebral Palsy (MyCP)	Pn. Zatul Hejanah (Presiden)	mycp1malaysia@gmail.com
Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (GAPS)	Pn. Rafidah Rafiza Ahmad (Presiden)	cerebralpalsy.my@gmail.com
Malaysian Rare Disorders Society (MRDS)	Dato' Hatijah Ayob (Presiden)	info@mrds.org.my
Malaysian Spinal Injury Association (MASIA)	Cik Law King Kiew (Bendahari)	masia_malaysia@yahoo.com
Gabungan Persatuan Orang Cacat Malaysia (MCD)	En. Mohamad Sazali Shaari (Presiden)	dpi_malaysia@yahoo.com
Malaysian Mental Health Association	Cik Cheong Sue Jen (Setiausaha)	admin@mmha.org.my


## Senarai Ahli Panel

1. Alfa Nur Aini Bt Erman Efendi
2. Cheong Sue Jen
3. Chin Yew Cheng
4. Christina Anne Lau
5. Goh Soo Leng
6. Miskan Kasiman
7. Yeong Moh Foong
8. Azmin Anuar
9. Joy Paranthaman
10. Mohamad Sazali Shaari
11. Brian Lariche
12. Musallina Musa
13. Wan Zuraidah Abu
14. Muhammad Nadhir
15. Wong Yoon Loong

**ABJAD JARI / MANUAL ALPHABET**




**ANGKA / NUMBERS**



# THE BRAILLE ALPHABET



a b c d e f g h i j k l m



n o p q r s t u v w x y z

## NUMBERS



# 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9



# 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9



Dengan kerjasama:



**MMHA**  
Malaysian Mental  
Health Association



CHALLENGES  
the voice of ability

ISBN 978-983-42148-2-1



9 789834 214821